

MAHATHIR-PERSYARIKATAN

1983

KUALA LUMPUR, 4 JUN (BERNAMA)--KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, SELAIN DARIPADA MENINGKATKAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA, JUGA BOLEH MEMPERERATKAN PERPADUAN DAN KERJASAMA ANTARA KAUM, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

BELIAU BERKATA BANYAK PERKARA YANG BOLEH DIPRAKTIKAN MELALUI KONSEP TERSEBUT BAGI MENINGKATKAN PERPADUAN, KETAHANAN DAN MARUAH NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MIA DI SINI BERKATA INI BUKAN BERMAKNA BAHAWA DAHULU TIDAK ADA PERSEFAHANAN DAN KERJASAMA.

APA YANG DIHARAPAKAN IALAH PENINGKATAN PERSEFAHANAN DAN KERJASAMA TERSEBUT KERANA, DENGAN BERPANDUKAN KEPADA MATLAMAT KEPENTINGAN DAN FAEDAH BERSAMA, INI BOLEH MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG DALAM BERBAGAI-BAGAI BIDANG BAGI SEMUA, BELIAU MENAMBAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA SELALUNYA SESUATU ANJURAN KERAJAAN DILIHAT OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK DARI SUDUT YANG SEMPIT DAN KADANGKALA DITAFSIRKAN SESUKA HATI MENGIKUT DORONGAN PERASAAN HINGGAKAN MENJADI ISU POLITIK DAN ISU PERIBADI.--LAGI--  
1505/PA

MAHATHIR  
ICZC 3534

MAHATHIR-PERSYARIKATAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA WALAUPUN DEMOKRASI DI NEGARA INI TIDAK MENYEKAT KRITIKAN, TETAPI KRITIKAN YANG MELAMPAU BOLEH MEMATAHKAN SEMANGAT DAN KEJAYAAN SEUATU YANG DIUSAHAKAN.

SEBAGAI KERAJAAN YANG DIDUJUNG OLEH APA YANG BOLEH DIKATAKAN SEBAGAI PERSYARIKATAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, KONSEP-KONSEP ATAU PENDEKATAN YANG DIANJURKAN PERLULAH DIBERI PENELITIAN OLEH SETIAP PARTI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENELITIAN SEMUA PIHAK BUKAN SAHAJA PERLU BAGI MENJAMIN KEJAYAANNYA, TETAPI BAGI MENGEMUKAKAN PENDAPAT-PENDAPAT DAN LANGKAH-LANGKAH MUNASABAH BAGI MENAMBAH KEBERKESANAN PERLAKSAANNYA.--BERNAMA 1509/PA